

PM jamin mangsa dibantu serta-merta

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak memberi jaminan kerajaan akan menghulurkan bantuan serta-merta kepada mereka yang terbabat dengan banjir di Kedah dan Perlis.

Perdana Menteri berkata, pada masa sama pihak berkuasa akan sentiasa memantau keadaan banjir di dua negeri itu.

"Saya mengambil maklum banjir di Kedah dan Perlis dan berdoa semoga semua selamat. Kerajaan akan pantau dan hulurkan bantuan dengan serta-merta kepada yang memerlukan," katanya menerusi Facebook dan Twitter, malam tadi.



Empat negeri dilanda banjir

» 14 kawasan dinaiki air akibat hujan lebat sejak kelmarin

Oleh Diyanah Anuar, Rudy Syareme Sheriffudin, Zuliaty Zulkiffli, Azahar Hashim dan Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bharian.com.my

► **Kuala Lumpur**

Sekurang-kurangnya 14 kawasan di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan dinaiki air berikutan hujan lebat sejak kelmarin hingga pagi semalam.

Sehingga jam 4 petang semalam, seramai 156 penduduk daripada 39 keluarga dipindahkan ke tiga pusat pemindahan di kawasan Padang Besar iaitu di Mata Ayer, Kampung Padang Melaka dan Kampung Pangas Besar, semuanya di Perlis, selepas rumah mereka dimasuki air.

Kira-kira 200 murid di Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Melangit, Kangar pula diberi cuti pelepasan kerana kawasan sekolah mereka dinaiki air sehingga paras betis.

Sebanyak 18 rumah rosak apabila hujan disertai ribut melanda Kampung Banggol Penyengat dan Kampung Seri Karangan Mukim Karangan, Kulim, Kedah, kelmarin.

Sekolah Kebangsaan Port Dickson (SKPD), Negeri Sembilan, turut terjejas jam 11 pagi menyebabkan murid Tahun Satu terpaksa dipindahkan ke tingkat dua sekolah berkenaan.

Di **Kangar**, Pengarah Pendidikan negeri, Rooslee Ismail, berkata cuti pelepasan diberikan kepada murid SK Padang Melangit apabila kawasan sekolah ditenggelami air sehingga paras buku lali ketika sesi persekolahan hendak dimulakan kira-kira jam 7 pagi semalam.

Guru Besar, Mazlan Abu Bakar, berkata kali terakhir sekolah itu dilanda banjir ialah pada penghujung Disember lalu.

Sehingga jam 5 petang semalam, paras air di kebanyakan sungai di negeri ini kembali normal selepas hujan berhenti kira-kira jam 12 tengah hari, kecuali paras



air Sungai Repoh yang mencecah 5.13 meter (m), melepasi paras bahaya 4.6m.

Ambil langkah berjaga-jaga

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Abdul Najib Abdullah, berkata JPS juga sudah membuka empat daripada enam pintu empangan Timah Tasoh seluas kira-kira 200 milimeter (mm) sebagai langkah berjaga-jaga supaya tadahan air tidak melimpah dan menyebabkan banjir yang lebih besar di sini.

Di **Changlun**, Kedah, lapan buah kampung mengalami banjir sedalam antara 0.4 hingga satu meter bermula jam 5 pagi.

Antara kampung terbabat ialah Kampung Titi Kerbau, Kampung Nang Mah, Kampung Masjid, Kampung Paya Lantau, Kampung Padang Pasir, Kampung Belukar, Kampung Paya Nongmi dan Pekan Changlun, di sini.

Komander Operasi Bomba dan Penyelamat Bukit Kayu Hitam

Ismaddi Ishak berkata, seorang warga tua yang lumpuh di Kampung Nang Mah iaitu Habsah Ismail, 80, diusung keluar selepas rumahnya dinaiki air setinggi 0.5 meter.

Di **Port Dickson**, Negeri Sembilan, hujan lebat luar biasa selama sejam menyebabkan beberapa kawasan rendah di sini dan Lukut, dilanda banjir kilat, pagi semalam.

Antara kawasan paling terjejas dalam kejadian kira-kira jam 11 pagi itu ialah Sekolah Kebangsaan Port Dickson (SKPD), Dataran Teluk Kemang dan Taman Tanjung serta Dataran Segar di Lukut.

Kerja pembersihan dilakukan

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD), Datuk Ab Khalid Mat berkata, banjir kilat di SKPD surut sepenuhnya selepas pekerja MPPD membersihkan sampah sarap yang terperangkap di situ.

Di **Kulim**, Kedah, kebanyakan rumah rosak pada bahagian bumbung apabila diterbangkan ribut

Anggota Bomba dan Penyelamat dibantu JPAM mengusung jenazah Khalid Othman, 56, yang meninggal dunia di Kampung Belukar, Mukim Temin yang dinaiki air akibat hujan berterusan sejak dua hari lalu. FOTO IHSAN JPAM / BH





yang datang bersama hujan lebat yang melanda Kampung Banggol Penyengat dan Kampung Seri Karangan Mukim Karangan jam 7.30 malam, termasuk empat rosak teruk.

Di Georgetown, ribut yang melanda sekitar bandar raya ini mulai malam kelmarin hingga awal pagi semalam, mengakibatkan beberapa kawasan banjir serta pokok tumbang di jalan utama.

Lencongan jalan

Hujan serta angin kencang mulai kira-kira jam 9 malam hingga 1 pagi itu, mengakibatkan aliran trafik di Jalan Scotland dan Jalan Tun Sardon dilencongan berikutan kerja pembersihan yang dilakukan anggota bomba dan kontraktor Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Jurucakap bomba berkata, beberapa kampung di Balik Pulau turut dilaporkan dinaiki air antara 0.1 hingga 0.2 meter, sebelum surut jam 3 pagi.

FAKTA NOMBOR

18 rumah rosak

akibat hujan ribut melanda di Kampung Banggol Penyengat dan Kampung Seri Karangan Mukim Karangan, Kulim, Kedah

156 penduduk

daripada 39 keluarga dipindahkan ke tiga pusat pemindahan di kawasan Padang Besar iaitu di Mata Ayer, Kampung Padang Melaka dan Kampung Panggas Besar, di Perlis

8 kampung banjir

sedalam antara 0.4 hingga satu meter di Changlun, Kedah

653 pusat pemindahan

mampu memuatkan 153,000 penduduk di Pahang

Pahang tambah 21 lagi pangkalan hadapan hadapi musim tengkujuh

Kuantan: Sebanyak 21 pangkalan hadapan baharu disediakan kerajaan negeri sebagai persiapan menghadapi musim tengkujuh yang dijangka bermula pertengahan November ini.

Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail berkata, penambahan itu menjadikan keseluruhan 101 pangkalan hadapan disediakan kerajaan negeri tahun ini berbanding 80 pada tahun lalu.

Beliau berkata, penambahan jumlah pangkalan hadapan itu dibuat selepas mendapati 63 daripada 80 pangkalan hadapan disediakan kerajaan negeri sebelum ini turut dinaiki air sehingga menjejaskan pengagihan bekalan makanan dan barangan keperluan kepada mangsa banjir.

Katanya, pembukaan pangkalan hadapan baharu itu juga bagi menangani masalah kekurangan bekalan makanan dan keperluan asas yang berlaku di pusat pemindahan sekali gus mendahulukan kepentingan dan kesejahteraan mangsa banjir.

Langkah persediaan awal

"Pemilihan lokasi untuk membuka pangkalan hadapan baharu ini dibuat hasil penelitian kesan banjir tahun lalu. Ini adalah langkah awal yang kita ambil bagi memastikan semua isu yang mungkin timbul ketika musim tengkujuh dapat kita tangani dengan baik.

"Selain memastikan tujuh jenis bekalan keperluan asas di pangkalan hadapan itu mencukupi, kita juga memutuskan untuk memberi kuasa kepada setiap daerah dalam proses menyediakan bekalan bagi ditempatkan di pangkalan hadapan itu.

"Jika sebelum ini, semua bekalan makanan disediakan di peringkat negeri, namun, tahun lalu kita berdepan masalah untuk menghantarnya kerana ada laluan terputus dan tidak dapat dilalui, oleh itu kita ambil keputusan untuk semua urusan bekalan ini dilakukan di peringkat daerah masing-masing," katanya.

Murid terpaksa mengharungi banjir di kaki jalan sekolah SKPD, Port Dickson selepas hujan lebat.

[FOTO MOHD KHIDIR ZAKARIA / BH]



Beliau berkata demikian kepada media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri, di sini, semalam.

Tambah pusat pemindahan

Muhammad Safian berkata, semua bekalan makanan akan mula dihantar bermula 7 Oktober ini dan proses pemantauan bekalan dilakukan setiap bulan untuk memudahkan proses mengganti stok makanan yang rosak atau melepasi tarikh luput.

"Walaupun kita jangka banjir tahun ini tidak seteruk tahun lalu, namun, kita tetap melakukan persediaan seperti biasa... termasuk aspek logistik dan persiapan pusat pemindahan.

"Bagi tahun ini juga, kita turut menambah jumlah pusat pemindahan... jika tahun lalu, kita sediakan 627 pusat pemindahan yang mampu memuatkan 104,000 penduduk terjejas banjir, tahun ini, kita sudah kenal pasti 653 pusat pemindahan yang boleh memuatkan 153,000 penduduk terjejas banjir," katanya.

Di **Kuala Lumpur**, Pegawai Meteorologi Kanan, Dr Mohd Hisham Mohd Anip, berkata hujan lebat, ribut petir serta angin kencang yang melanda beberapa daerah di Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka pagi semalam berpunca daripada pertembungan angin dari arah barat dan selatan.



"Pemilihan lokasi untuk membuka pangkalan hadapan baharu ini dibuat hasil penelitian kesan banjir tahun lalu. Ini adalah langkah awal yang kita ambil bagi memastikan semua isu yang mungkin timbul ketika musim tengkujuh dapat kita tangani dengan baik"

Muhammad Safian Ismail,
Setiausaha Kerajaan Pahang



Pokok Angsana berusia hampir 100 tahun **tumbang** menghalang lalu lintas di Jalan Scotland, Pulau Pinang. [FOTO RAMDZAN MASIAM / BH]



Fatimah Sardin, 66 (kanan) bersama cucunya Nuramizah Abdullah, 19 menunjukkan **bumbung rumahnya di terbangkan angin** dalam kejadian ribut di Kampung Banggol Penyengat, Kulim. [FOTO AZHAR HASHIM / BH]